

Dr Mahathir sifatkan PUM bukan badan ulama sebenar

BH 17 AUG 2002

KUALA TERENGGANU, Jumaat — Persatuan Ulama Malaysia (PUM) bukan badan ulama sebenar apabila ia bertindak membela Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat menggunakan istilah 'samseng' bagi menggambarkan sifat Allah, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri kesal dengan tindakan PUM itu kerana ia boleh mempengaruhi sesetengah rakyat negara ini hingga menyebabkan mereka mempercayai segala yang diperkatakan oleh pemimpin Pas.

Katanya, beliau memang sejak dulu lagi tidak mengangap PUM sebagai persatuan ulama.

"Saya tak tahu apa kelayakan yang mereka mendakwa diri mereka ulama. Orang macam itu, apabila menyokong benda yang bertentangan dengan Islam, jauh daripada menjadi ulama," katanya dalam sidang akhbar sempena lawatan seharian ke Terengganu.

Yang Dipertua PUM, Abdul Ghani Samsuddin dalam satu kenyataan semalam menyokong Nik Aziz walaupun banyak pihak membidas Menteri Besar Kelantan itu kerana kenyataannya bahawa Tuhan samseng.

Dr Mahathir berkata, tinda-

kan PUM itu menyebabkan rakyat yang selama ini telah terhasut dengan dakwah Pas, menerima apa saja kenyataan yang dibuat oleh pemimpin parti itu.

"Kita tahu rakyat kita ini apabila telah terhasut dengan Pas, dia terima apa saja. Sampai kata Tuhan mencarut pun dia berani dan sanggup terima.

"Saya ingat kalau Nik Aziz kata macam begitu, orang semua lari daripada dia, rupanya tak. Ini yang saya hairan," katanya.

Terdahulu, dalam ucapanannya di majlis bersama rakyat di Marang, Perdana Menteri berkata pemimpin dan penyokong Pas termasuk PUM berdosa besar apabila sanggup mempertahankan kenyataan Nik Aziz itu.

Beliau berkata, PUM sebenarnya berpolitik dan "menjadi sebahagian daripada cawangan Pas" untuk mempengaruhi umat Islam negara ini.

"Sebab itu dia (PUM) sanggup kata kononnya Nik Aziz adalah rabbani.

"Bukan main lagi dinaikkan pangkat manusia yang mendakwa Tuhan mencarut, Tuhan gedebe, Tuhan samseng, Tuhan penjahat yang terbesar, orang ini dianggap oleh ulama dalam PUM sebagai rabbani," katanya.